

Menghidupkan Enjin (Bersambung)

NOTIS

- Jika enjin tidak dapat dihidupkan dalam masa 5 saat, putarkan suis penghidup ke posisi **O** (Off) dan tunggu 10 saat sebelum mencuba semula untuk membenarkan pemuliharaan voltan bateri.
- Melahu berpanjangan secara cepat dan meligatkan enjin akan merosakkan enjin dan sistem ekzos.
- Jangan gunakan penghidup tendang semasa enjin sedang berjalan kerana boleh menyebabkan kerosakan enjin. Jangan gunakan daya berlebihan pada penghidup tendang.
- Kembalikan penghidup tendang ke tempat asal selepas menggunakannya.

Suhu Udara Normal 10 - 35°C

(50 - 95°F):

- 1 Pastikan injap minyak berada dalam posisi **On**.
- 2 Putarkan suis penghidup ke posisi **I** (On).
- 3 Ubahkan transmisi ke Neutral (penunjuk **N** menyala).
- 4 Tarik tuil penghidup (choke) ke atas sepenuhnya ke posisi **ON**.

5 Gunakan butang penghidup

Dengan memutarakan sedikit pendikit, tekan butang penghidup.

Gunakan penghidup tendang

Tekan perlahan penghidup tendang sehingga rintangan dirasai.

Kemudian biarkan penghidup tendang kembali ke lejang atas.

Dengan memutarakan sedikit pendikit, gunakan penghidup tendang. Tendang dari atas sehingga bawah dengan pantas dan bersambung.

- 6 Sejurus selepas enjin dihidupkan, tolak tuil penghidup (choke) ke bawah pada posisi separuh.

- 7 Panaskan enjin dengan membuka dan menutup pendikit sedikit.

- 8 Kira-kira satu perempat minit selepas enjin dihidupkan, tolak tuil penghidup (choke) ke bawah untuk berada dalam posisi **OFF**.

- 9 Jika enjin masih tidak stabil, buka pendikit sedikit.